

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU
LANGAT]**

SOALAN NO. 169

Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah-langkah yang bakal diambil bagi mengatasi masalah-masalah pampasan rendah dalam pengambilan tanah dari penyewa tanah pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan telah memberi jaminan bahawa setiap pengambilan tanah akan dibayar jumlah pampasan yang mencukupi. Pampasan yang dibuat oleh Pentadbir Tanah adalah berdasarkan Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah 1960.

Bagi tujuan penentuan award pampasan, Pentadbir Tanah akan mendapatkan laporan nilai secara bertulis daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan laporan penilai swasta yang dilantik oleh pihak berkepentingan sebelum nilai pampasan diputuskan.

Kadar nilai semasa bagi tanah adalah bergantung kepada kategori tanah, sebagai contoh, nilai tanah kategori pertanian adalah lebih rendah berbanding tanah berkategori bangunan atau perindustrian.

Walau bagaimanapun, sekiranya tanah kategori pertanian tersebut mempunyai potensi untuk dimajukan bagi tujuan pembangunan seperti kediaman dan lain-lain, maka nilai pampasan tanah pertanian itu akan mengambil kira *potential value* tanah berkenaan. Bagi penyewa atas tanah pertanian pula, pampasan akan dibayar berdasarkan kerugian atas usahanya di atas tanah tersebut.

Sekiranya pihak berkepentingan masih tidak berpuas hati dengan award pampasan yang diberikan oleh Pentadbir Tanah, maka

bantahan boleh dibuat melalui permohonan kepada Mahkamah dengan menggunakan Borang N (Permohonan Supaya Bantahan Dirujukkan Kepada Mahkamah) selaras dengan peruntukan seksyen 37, Akta Pengambilan Tanah 1960.

Sekian, terima kasih.